

Headline	4,000 pakar bincang AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	53	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	211 cm ²
Journalist	Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor	AdValue	RM 7,793
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,378



4,000 pakar bincang AIDS

■ **Bertemu
julang kali
di KLCC
sebagai
tuan rumah**

Oleh **Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor**

mohdhelmi
@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Buat julung kalinya Malaysia dipilih sebagai tuan rumah penganturan Persidangan Perlindungan dan Rawatan Pathogenesis HIV dan AIDS kali ke-7 yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 30 Jun hingga 3 Julai depan.

Persidangan yang dijangka dihadiri 4,000 delegasi seluruh dunia memabitkan pakar kesihatan dan saintis terkenal akan membincangkan kaedah rawatan, kajian serta hala tuju penyakit berkenaan.

Pengerusi bersama penganturan program yang juga Pengarah Pusat Kecemer-

langan Kajian AIDS (CERia) Universiti Malaya, Profesor Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, pihaknya optimis mengenai kejayaan program kesihatan yang bertaraf dunia itu.

“CERia berbesar hati kerana Malaysia dipilih sebagai tuan rumah persidangan ini yang mana ia adalah kali pertama dijalankan di Asia,” katanya.

Selain CERia, badan yang turut bekerjasama adalah Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) serta Biro Pameran dan Konvensyen Malaysia (MyCEB) di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Menurut Dr Adeeba, pada program berkenaan, delegasi yang hadir bukan saja membincangkan mengenai perkembangan kajian, malah turut berkongsi kaedah rawatan Pathogenesis bagi menghalang penebaran penyakit terbabit.

“Sebagai mana diketahui, AIDS dan HIV adalah penyakit yang melanda seluruh dunia dan persidangan ini memberi peluang untuk Malaysia mengetengahkan kajian terbaru,” katanya.

Menurutnya, selain berkongsi kajian serta rawatan, persidangan disasarkan turut memberi kesan penjaanan

ekonomi negara RM55.8 juta.

“Pada tahun lalu, negara dipilih menganjurkan Persidangan Dunia Kesihatan Jantung kali ke-43 dan tahun ini sekali lagi Malaysia dipilih menganjurkan Program IAS 2013,” katanya pada majlis penerangan media yang diadakan di KLCC, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar, Jualan dan Pemasaran MyCEB Ho Yoke Ping, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penyakit AIDS dan HIV Kementerian Kesihatan Malaysia Dr Anita Suleiman dan Wakil Penasihat Komuniti Kumpulan IAS 2013, Martin Choo.

Headline	4,000 pakar bincang AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	53	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	211 cm ²
Journalist	Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor	AdValue	RM 7,793
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,378



“Persidangan ini memberi peluang untuk Malaysia mengetengahkan kajian terbaru”

Dr Adeeba Kamarulzaman